

02 AUG 2001

Mahathir-Melayu

MELAYU TOLERAN KERANA SUKA YANG MUDAH, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 2 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata orang Melayu di Malaysia amat toleran kerana mereka suka kepada yang mudah dan sejarah menunjukkan betapa mereka lebih mengutamakan keselesaan hidup daripada soal-soal keselamatan dan kemajuan bangsa mereka.

Perdana Menteri berkata sejak sebelum kejatuhan Melaka ke tangan Portugis lagi, orang Melayu sudah menunjukkan sikap toleran kepada kaum pendatang dan semasa pemerintahan British mereka rela mengundur diri dari kawasan bandar, yang dibangun dan diduduki kaum pendatang dan menyerahkan kebanyakan aktiviti ekonomi kepada kaum pendatang.

"Jika pada zaman kesultanan Melayu Melaka, raja-raja menjadi peniaga dan menukar barangan hutan dan bijih timah yang dikumpul oleh rakyat mereka dengan barangan saudagar asing, pada zaman bangsa asing sudah memonopolikan bandar-bandar, raja-raja Melayu berpuas hati dengan menyerahkan tanah dan kutipan cukai kepada orang asing kerana dijamin pendapatan yang lebih tinggi bagi mereka," katanya.

Dalam ucapan pada majlis diskusi "Toleransi - Model Malaysia" anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim) di sini, Dr Mahathir berkata, raja-raja Melayu telah juga menyerahkan monopoli candu dan kutipan cukai import kepada kapitan-kapitan Cina, yang menentukan hasil cukai sampai ke tangan raja.

Ini kerana semasa kutipan cukai dibuat oleh pegawai Melayu, sebahagian besar daripadanya tidak sampai kepada raja.

"Jelaslah orang Melayu bersikap toleran kerana suka kepada yang mudah. Jika orang lain boleh buat kerja untuk mereka, maka mereka bersedia untuk menerima kehadiran orang lain ini di negeri mereka.

"Mereka tidak bercampur-gaul dengan orang asing ini, hanya membiarkan orang asing berada untuk membuat kerja-kerja yang tidak diminati oleh mereka," katanya.

Perdana Menteri berkata, orang Melayu juga tidak melibatkan diri atau cuba mempelajari kecekapan kaum pendatang dalam pelbagai bidang seperti perlombongan, perniagaan runcit dan borong, tukang kayu dan tukang rumah, tukang jahit, tukang besi, pekerja di pejabat kerajaan dan swasta dan pekerja kereta api.

Kesanggupan orang Melayu untuk melepaskan segala kerja kepada orang asing telah menyebabkan negeri-negeri Melayu pada suatu masa dulu menjadi syurga kepada kaum pendatang, yang datang berduyun-duyun sehingga pernah berlaku bilangan pendatang asing melebihi bilangan orang Melayu.

"Jika tidak kerana resesi yang teruk pada tahun-tahun 20-an hingga 30-an, yang menyebabkan ramai pendatang asing kembali ke tanah air mereka, bilangan orang Melayu di negeri-negeri Melayu akan terus kurang daripada orang asing seperti yang terdapat di Singapura," katanya.

Dr Mahathir berkata, sikap toleran orang Melayu adalah luar biasa tetapi ia bukan didorong oleh perasaan timbang rasa terhadap kaum lain.

Ia sebenarnya disebabkan oleh kemudahan dan kualiti khidmat yang dibekalkan oleh orang lain yang dikecapi juga oleh orang Melayu.

"Toleransi orang Melayu adalah kerana 'expedience' iaitu kerana mudah dan mengurangkan beban hidup orang Melayu. Mereka sanggup bersikap toleran jika kerananya mereka dapat hidup selesa tanpa terlalu bersusah payah.

"Bahawa mereka menjadi lebih miskin daripada kaum pendatang tidak menyebabkan mereka risau. Yang utama bagi mereka ialah beban kerja mereka dikurangkan," katanya.

Dr Mahathir berkata jika tidak kerana undang-undang yang melarang penjualan tanah milih orang Melayu kepada kaum pendatang, hari ini mungkin kebanyakan orang Melayu menumpang tanah orang lain kerana mereka mungkin sudah menjual semua tanah mereka dan membelanjakan wang itu untuk barangan dan khidmat yang dibekalkan oleh pendatang asing.

-- BERNAMA

AFY AZZ NMO